

## **KUIS IPTA pertama ikrar bebas rasuah**

**June 1, 2017**

**OLEH SYAZWANI SUFIAN**

**(<https://selangorkini.my/2017/06/kuis-ipa-pertama-ikrar-bebas-rasuah/>)**

SHAH ALAM, 1 JUN: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) mengorak langkah proaktif memperkuatkan hubungan kerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui Ikrar Bebas Rasuah (IBR).

Rektor KUIS, Prof Dato' Dr Ab Halim Tamuri berkata, ikrar itu berlangsung serentak pada majlis perutusan Ramadhan Rektor KUIS bersama 300 kakitangannya dan turut disertai Pengurusan Tertinggi KUIS.

“Kerjasama KUIS dan SPM terjalin sejak 2015 melalui penganjuran beberapa program dan penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) dalam kalangan mahasiswa KUIS.

“KUIS juga merupakan IPTS pertama menyambut baik Ikrar Integriti Korporat dan kini disusuli dengan Ikrar Bebas Rasuah (IBR),” katanya dalam kenyataan.

Majlis menandatangi ikrar dan bacaan IBR diketuai Rektor KUIS, Prof. Dato' Dr Ab Halim Tamuri dan disaksikan Pengarah SPM Selangor, Dato' Wan Ramli Wan Abdullah.

Sementara itu, Wan Ramli turut menyambut baik usaha KUIS sebagai IPTS pertama di Selangor yang sentiasa menyokong usaha SPRM.

“Saya mengingatkan agar seluruh warga kerja KUIS sentiasa melaksanakan tugas dengan penuh integriti dan menolak sebarang unsur rasuah sebagai usaha melahirkan generasi benci rasuah dan bersikap integriti dalam pentadbirannya.

“Kerana sebelum ini terdapat juga kes yang turut melibatkan institusi Islam dan ini perlu diambil ictibar oleh KUIS kerana rasuah boleh berlaku dimana-mana sahaja,” katanya.